

MAHATHIR-UNIDO

1980

KUALA LUMPUR, 22 JAN. (BERNAMA)-DATUK SERI DR. MAHATHIR

MOHAMAD TELAH MERAYU KEPADA NEGARA-NEGARA MAJU UNTUK MEMURAHKAN BELANJA PEMINDAHAN TEKNOLOGI KE NEGARA-NEGARA MEMBANGUN.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENARIK PERHATIAN YURAN PEMINDAHAN TERLALU TINGGI YANG DIMINTA OLEH SETENGAH-SETENGAH NEGARA AKAN MENYEBABKAN NEGARA-NEGARA PENERIMA MENDERITA LAMA SEBELUM MENDAPAT FAEDAH DARINYA.

KATANYA SEBAGAI TAMBAHAN, PARA PENERIMA MUNGKIN TERPAKSA MEMBAYAR FAEDAH DARI MODAL YANG DIPINJAM DARI NEGARA-NEGARA MAJU. DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERIN-

DUSTRIAN BERUCAP DI PERSIDANGAN AM KETIGA UNIDO DI NEW DELHI HARI INI. TEKS UCAPANNYA DIKELUARKAN DI SINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA PEMINDAHAN TEKNOLOGI ADALAH PERLU JIKA PENGHUSUSAN TENAGA BURUH DALAM PERINDUSTRIAN HENDAK DICAPAI.

SAMBIL MENEGASKAN BAHAWA DIBERI MASA NEGARA-NEGARA MISKIN BOLEH MEMAJUKAN INDUSTRI SENDIRI, BELIAU BERKATA PROSESNYA MENGAMBIL MASA. —BERSAMBUNG HM 2235

E604

MAHATHIR-UNIDO 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR PERCAYA PEMINDAHAN TEKNOLOGI TIDAK MEROSEAKKAN INDUSTRI, EKONOMI ATAU BURUH NEGARA-NEGARA MEMBANGUN.

KATANYA JIKA TEKNOLOGI YANG BETUL DIPINDAHKAN BERIKUTAN DARI PERSETUJUAN PENGHUSUSAN BURUH, AKAN TERDAPAT KEUNTUNGAN DI PIHAK NEGARA-NEGARA MAJU.

SEBELUM ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN PERLUNYA TEKAD OLEH NEGARA-NEGARA MAJU UNTUK MENCAPAI RESOLUSI LIMA TAHUN 1975 —MEMBAHAGIAKAN 25 PERATUS DARI PENGELUARAN PERINDUSTRIAN KE NEGARA-NEGARA MEMBANGUN MENJELANG TAHUN 2000

BELIAU YAKIN DENGAN KAJIAN YANG BETUL SASARAN YANG DITETAPKAN AKAN DICAPAI.

BELIAU BERKATA PERKARA TERAKHIR YANG PATUT DIBUAT OLEH NEGARA-NEGARA KAYA IALAH MENUTUP PASARAN MEREKA DAN MELINDUNG TEKNOLOGI MEREKA.

—BERNAMA HM 2240